

11 SEP 1997

#### HOSPITAL PANTAI NAK JUAL PERNIAGAAN PENJAGAAN KESIHATAN

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Hospital Pantai Bhd (HPB), sebuah syarikat sekutu Tongkah Holdings Bhd, yang penceburan utamanya ialah perniagaan penjagaan kesihatan, akan bertukar menjadi perkhidmatan kewangan Tongkah dalam satu penyusunan semula korporat Tongkah dan HPB.

HPB, 21 peratus milik Tongkah, akan menceburi sektor perkhidmatan kewangan melalui cadangan pembelian keseluruhan kepentingan dalam Kestrel Securities Sdn Bhd, sebuah firma broker saham.

Tongkah memegang 75 peratus kepentingan ekuiti dalam Kestrel Securities.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Tongkah dan HPB menjelaskan bahawa di samping itu HPB bercadang untuk membeli 100 peratus kepentingan dalam Perdana Finance, dan kelulusan untuk tujuan itu telahpun diperolehi daripada Kementerian Kewangan.

Tongkah bercadang untuk membeli keseluruhan aset dan perniagaan penjagaan kesihatan HPB dengan harga RM190 juta tunai.

HPB memiliki dan mengendalikan lima buah hospital iaitu Pusat Perubatan Pantai, Pusat Perubatan Pantai Cheras (kedua-duanya di Kuala Lumpur), Pusat Perubatan Pakar Pantai Klang, Hospital Pantai Puteri Ipoh dan Pusat Perubatan Pantai Mutiara di Pulau Pinang.

Ia juga telah menubuhkan sebuah kolej perubatan swasta di Pulau Pinang.

Ia bercadang untuk meningkatkan kepentingannya dalam Tongkah Medivest Sdn Bhd kepada 100 peratus dengan membeli baki 49 peratus kepentingan ekuiti yang tidak dipegangnya, dengan harga RM34.3 juta tunai.

Pada satu persidangan berita mengenai penyusunan semula itu, pengerusi eksekutif Tongkah Mokhzani Mahathir berkata penyusunan semula itu dijangka meningkatkan keuntungan Tongkah sebanyak 30 peratus dan tiga kali ganda keuntungan HPB bagi tahun kewangan berakhir 31 Jan, 1998.

Penyusunan ini dijangka dapat diselesaikan dalam tiga bulan dan akan dibiayai melalui dana dalaman, katanya.

Menurut Mokhzani HPB akan ditukar menjadi pasar raya kewangan bagi merangkumi perkhidmatan perbankan, tetapi bukanlah dalam jangka masa terdekat atau sederhana ini.

Katanya kumpulan itu sedang mengkaji perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti pengurusan aset dan sedang berbincang dengan syarikat-syarikat insurans untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada mereka.

Beliau menambah kata bahawa Tongkah sedang mengkaji untuk menubuhkan sebuah pusat diagnostik yang seharusnya dapat memulakan operasi menjelang bulan depan.

Katanya Tongkah dan HPB akan menukar nama bagi mencerminkan struktur baru korporat tetapi hospital tersebut akan terus mengekalkan identiti dan nama Pantai selepas penyusunan semula itu.

Mokhzani juga berkata bahawa HPB yang disenaraikan di papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur akan dipindahkan ke papan utama.

Tongkah Medivest ialah pemegang konsesi bagi perkhidmatan perubatan bukan farmasi di kawasan selatan Malaysia.

Dalam kenyataan tersebut, Mokhzani juga menyebut bahawa Tongkah, sebuah kumpulan pelbagai kegiatan dengan perniagaan utamanya ialah pembuatan, penjagaan kesihatan dan kewangan, akan mengekalkan pembuatan sebagai penyumbang utama kepada pendapatan kumpulan itu.

Menurut beliau THB Industries Bhd, sebuah anak syarikat Tongkah yang terbabit dalam kerja-kerja logam, komponen jitu bagi komputer, kereta dan

industri lain telah mendapat kelulusan bagi penyenaiaan di papan utama  
BSKL. -- BERNAMA  
AD KY MA